

KEMANGKATAN SULTAN AZLAN SHAH



Jenazah Sultan Azlan Shah ditandu oleh pasukan istiadat sebelum disembahyangkan dan dimakamkan di Makam Diraja bersebelahan Masjid Ubudiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Tokoh kehakiman negara, Bapa Hoki Malaysia

Pengumuman rasmi telah dibuat pada 28 Mei 2014 oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir melalui RTM berhubung kemangkatan Sultan Azlan Shah di Institut Jantung Negara tentang kemangkatan seorang Sultan yang sangat disayangi rakyat. Dilahirkan pada tahun 1928 di Batu Gajah, baginda dikenali sebagai sultan yang menjalankan kewajipan sebagai Ketua Negeri yang adil lagi saksama. Seluruh alam di negeri Perak Darul Ridzuan termasuk rakyat Malaysia bersedih dan berdukacita menerima berita kemangkatan baginda sultan.

Seperti yang rakyat sedia maklum, sepanjang Almarhum baginda menduduki takhta kerajaan Negeri Perak, Almarhum adalah seorang Sultan yang amat tegas di dalam melaksanakan undang-undang dan sentiasa bersikap adil terhadap setiap permasalahan rakyat dan diambil setiap keputusan setelah semua bukti diterima. Sebelum bergelar sultan, baginda yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Nottingham, United Kingdom, pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Persekutuan Malaysia.

Hakim termuda

Pada tahun 1965 ketika berusia 37 tahun, Almarhum Sultan Azlan Shah mencatat se-

jarah sebagai hakim termuda dalam sejarah kehakiman Komanwel apabila dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya. Seterusnya, Sultan Azlan terus mendaki puncak kerjaya kehakiman apabila menduduki kerusi Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Malaya seterusnya Ketua Hakim Negara menggantikan Tun Mohamad Suffian Hashim yang bersara.

Pada 12 November 1982, Sultan Azlan Shah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara Ke-5 selepas Tun Mohamad Suffian Hashim bersara pada 12 November 1982. Baginda menerima watikah perlantikan daripada Timbalan Yang Di-Pertuan Agong, Tunku Jaafar Ibnu Almarhum Tuanku Abdul Rahman di Istana Tetamu, Kuala Lumpur. Yang turut hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Moltamad.

Lonjak sukan hoki

Pada tanggal 3 Februari 1984, baginda melepaskan jawatan Ketua Hakim Negara Malaysia dan dimahsyurkan sebagai Sultan Perak Ke-34 manakala pada 9 Disember 1985 ditabal sebagai Sultan Perak secara rasminya. Baginda juga ditabalkan menjadi Yang Di-pertuan Agong Ke-9 pada 26 April 1989, Sultan Azlan Shah melafaz sumpah jawatan dan menandatangani surat pengisytiharan sebagai Yang Di-pertuan Agong Ke-9 di Balai Rongseri, Istana Negara, Kuala Lumpur.

Arena sukan turut berdukacita dengan pemergian baginda yang digelar Bapa Hoki Malaysia yang banyak mem-

beri sumbangan besar kepada sukan hoki tanah air. Baginda yang mencintai sukan hoki sejak di sekolah tidak pernah jemu membangunkan sukan hoki negara sejak 41 tahun lalu hingga pasukan kebangsaan mampu berdiri sama tinggi dengan pasukan ternama dunia dan membangunkan nama sukan hoki di persada antarabangsa. Baginda juga pernah mewakili pasukan hoki Perak, iaitu antara pasukan terbaik ketika itu sebelum dilantik sebagai Naib Presiden Persatuan Hoki Malaysia (PHM) pada tahun 1973 dan menerajui persatuan itu selama hampir dua dekad.

Bukan saja mengharumkan nama negara, bahkan baginda sangat menjaga kebajikan pemain sehingga baginda menubuhkan sebuah yayasan yang diberi nama Yayasan Hoki Malaysia. Yayasan itu melaksanakan pemberian biasiswa untuk pemain melanjutkan pelajaran pada peringkat lebih tinggi, faedah persaraan serta kebajikan jika berlaku kematian atau kemalangan.

Dikenali sebagai personaliti yang tegas, cekap dan serius, namun baginda juga menjalin hubungan rapat antara pemain dan sehingga ke hari ini baginda juga Presiden Persekutuan Hoki Asia (AHF). Dedikasi terhadap sukan ini turut menyaksikan baginda hadir ke setiap kejohanan tahunan lima penjuru peringkat antarabangsa. Selain itu, kerana minat yang mendalam terhadap sukan ini, baginda telah membina Stadium Hoki Sultan Azlan Shah

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

di Ipoh pada tahun 1983. Ini adalah kerana hoki ialah cinta pertama baginda meskipun baginda aktif dalam pelbagai sukan pada usia mudanya.

Sumbangan baginda sentiasa dalam ingatan

Antara sumbangan baginda adalah bergelar Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Tinggi dan Canselor Universiti Malaya (UM). Baginda juga telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Kesusasteraan oleh UM, Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-Undang (USM), Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-Undang (Universiti Nottingham), dan 'Kerusi Kehormat' (Lincoln's Inn, London).

Ekoran kemangkatan itu, bendera negeri akan dikibarkan separuh tiang selama 100 hari di negeri Perak manakala bendera Malaysia pula selama seminggu. Sesungguhnya jasa, pengorbanan dan sumbangan baginda akan sentiasa segar dalam ingatan setiap rakyat dan sikapnya yang adil serta kecemerlangannya menjadi pembakar semangat buat semua.

Siti Nadira Abu Samah, Universiti Sains Islam Malaysia